

MENKAJI KESEDIAN PENIAGA KECIL UNTUK TINGKATKAN
PENGETAHUAN PERAKAUNAN SEKITAR
SEBERANG PERAI TENGAH

10DAT13F1133	MUHAMAD IQRAK ZAFIRIN BIN AHMAD
10DAT13F1142	MOHAMAD FIRDAUS BIN ZAINOL
10DAT13F1168	TEOH ZOE
10DAT13F1103	KHOO CHIEN YOU
10DAT13F1170	KAVITHA A/P KARANA MURTHE
10DAT13F1136	NURULSYUHADA BINTI MOHD RIZA

JABATAN PERDAGANGAN
POLITEKNIK SEBERANG PERAI

2015

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kesediaan peniaga kecil untuk tingatkan pengetahuan ilmu perakaunan di kawasan Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Kajian ini menekankan kepada tiga aspek iaitu sikap, pengetahuan dan penguasaan di kalangan peniaga kecil di kawasan Seberang Perai Tengah sahaja. Hal ini disebabkan kebanyakan peniaga kecil kurang mempunyai pengetahuan ilmu perakaunan semasa menjalankan perniagaan mereka. Pada pendapat mereka, ilmu perakaunan tidak begitu penting berbanding pengalaman semasa berniaga. Oleh sebab itu, kami menjalankan kajian terhadap kesediaan peniaga kecil untuk meningkatkan pengetahuan ilmu perakaunan ini memandangkan tidak banyak kajian dijalankan untuk melihat permasalahan ini. Kami fokuskan kepada 100 orang responden untuk membantu kami mengkaji kesediaan peniaga kecil untuk meningkatkan pengetahuan ilmu perakaunan ini. Setiap data yang kami perolehi telah dipersembahkan melalui statistic kaedah SPSS (Statistical Package for Social Science). Keputusan kajian menunjukkan pendapat peniaga kecil terhadap kesediaan peniaga kecil untuk meningkatkan pengetahuan ilmu perakaunan. Aspek yang telah dikaji merupakan antara faktor utama kepada peniaga-peniaga kecil dalam meningkatkan pengetahuan ilmu perakaunan ini terutamanya dari aspek pengetahuan. Kebanyakan daripada peniaga kecil tidak menyedari bahawa pengetahuan ilmu perakaunan amat penting dalam perniagaan malah ada di antara peniaga kecil tidak mengetahui tentang wujudnya pengetahuan ilmu perakaunan untuk menguruskan perniagaan mereka.

ABSTRACT

This study was conducted to investigate the preparation of small business owners for update their accounting knowledge that can use in their business in the area of Seberang Perai Tengah, Penang. This study was focusing on three aspects of attitude, knowledge and skill among small business owner in Seberang Perai Tengah only. This is due to many small business owners do not have or use their accounting knowledge to run their business. In their opinion, compare with the experience running business, accounting knowledge is less important or not essential. Therefore, we conducted a study on the preparation of small business owners for update their accounting knowledge since not many studies done to see this problem. We focused on the 100 respondents to help us study how the small business owner to update their accounting knowledge. Some of the information we have obtained through statistical method we present the SPSS (Statistical Package for Social Science). Results of the study showed that many business owners opinion and the way to update their accounting knowledge. Aspects which have been proved the one of major cause restraint accounting knowledge, especially in terms of knowledge. Most of them do not feel the importance of accounting knowledge that can affect in their business management, but some of them are not aware of the existence of accounting knowledge for the management of their business.

KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGESAHAN LAPORAN PROJEK	II
PENGAKUAN	III
PENGHARGAAN	IV
ABSTRAK	V
ABSTRACT	VI
KANDUNGAN	VII
SENARAI JADUAL	XI
SENARAI RAJAH	XII
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Latar belakang kajian	1
1.2 Pernyataan masalah	4
1.3 Objektif	5
1.4 Persoalan kajian	6
1.5 Skop kajian	6
1.6 Kepentingan kajian	6
1.6.1 Peniaga kecil sekitar Seberang Perai Tengah	7
1.6.2 Bakal Peniaga kecil	7
1.6.3 Pengkaji akan datang	7

1.7	Definisi operasi	8
1.7.1	Peniaga kecil	8
1.7.2	Pengetahuan	8
1.7.3	Perakaunan	9
1.8	Skop dan limitasi kajian	9

BAB 2

2.1	PENGENALAN	10
2.2	Faktor Sikap	11
2.3	Faktor Pengetahuan	12
2.4	Faktor Penguasaan	14
2.5	Kesimpulan	16

BAB 3 METODOLOGI

3.1	PENGENALAN	17
3.2	Rekabentuk kajian	18
3.3	Kaedah pengumpulan data	18
3.3.1	Data primer	19
3.3.2	Data sekunder	19
3.3.2.1	Kajian terdahulu	20
3.3.2.2	Rujukan di perpustakaan	20

3.4	Populasi dan sampel	20
3.5	Instrumen kajian	21
3.6	Kaedah penganalisan data	23
3.6.1	Analisis kajian rintis (SPSS)	23
3.7	Kesimpulan	24

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1	PENGENALAN	25
4.2	Analisis kebolehpercayaan data	26
4.3	Bahagian A: Latarbelakang responden	27
4.4	Bahagian B: Mengkaji tahap kesediaan peniaga kecil untuk tingkatkan pengetahuan perakaunan di sekitar Seberang Perai Tengah	33

BAB 5:PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	PENGENALAN	42
5.2	Perbincangan objektif kajian	42
5.2.1	Perbincangan faktor sikap	43
5.2.2	Perbincangan faktor pengetahuan	44
5.2.3	Perbincangan faktor penguasaan	45

5.3	Implikasi kajian	47
5.4	Cadangan	48
5.4.1	Peniaga kecil	48
5.4.2	Pengkaji akan datang	49
5.4.3	Persatuan peniaga kecil dan penjaja	49
5.5	Kesimpulan	50

SENARAI JADUAL

NO RAJAH		HALAMAN
3.1	Skala likert	23
4.1	Analisis Kebolehpercayaan Data	26
4.2	Taburan Responden Mengikut Jantina	28
4.3	Taburan Responden Mengikut Bangsa	29
4.4	Taburan Responden Mengikut Umur	30
4.5	Taburan Responden Mengikut anggaran pendapatan bulanan	31
4.6	Taburan Responden Mengikut Bidang Perniagaan	32
4.7	Skala Min Skor	34
4.8	Analisis soalan faktor sikap	34
4.9	Analisis soalan faktor pengetahuan	37
4.10	Analisis soalan faktor penguasaan	39

SENARAI RAJAH

NO RAJAH		HALAMAN
4.1	Taburan responden mengikut jantina	28
4.2	Taburan responden mengikut bangsa	29
4.3	Taburan responden mengikut umur	30
4.4	Taburan responden mengikut anggaran pendapatan bulanan	31
4.5	Taburan responden mengikut bidang perniagaan	32

semasa. Selain itu, katanya telah menyediakan pelbagai kemudahan termasuk geran khususnya buat para peniaga dan mempunyai kesungguhan dalam memajukan perniagaan.

Dalam usaha untuk memajukan semula ekonomi peniaga kecil, satu sistem perkhidmatan yang diperkenalkan oleh Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DDPM) iaitu kaunter infoniaga. Kaunter tersebut akan ditempatkan di tapak pasar malam bagi memudahkan para peniaga berurusan mengenai perkhidmatan nasihat. Perkhidmatan tersebut juga boleh digunakan oleh peniaga kecil lain seperti penjaja dan kedai runcit. Menurut Yang Dipertuan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DDPM), kaunter infoniaga menjadi panduan atau pun rujukan maklumat mengenai bantuan kerajaan dan agensi kerajaan yang terlibat dalam membantu peniaga kecil. Ianya dikendalikan oleh seorang petugas bagi mendapatkan maklum balas yang dihadapi. Selain daripada itu, ia juga berfungsi mendedahkan peniaga kecil mengenai peluang pembiayaan, ruang niaga dan perlesenan, program keusahawanan dan program latihan serta latihan semula. Dengan adanya perkhidmatan kaunter sebegini, ia mendekatkan dan memudahkan para peniaga untuk berhubung mengenai apa jua masalah yang dihadapi.

Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) merupakan agensi kerajaan utama yang bertanggungjawab menyelaraskan pembangunan IKS dan peniaga kecil. Selain menawarkan khidmat nasihat berkaitan dengan pembangunan industri agensi ini menyediakan program latihan dan pembangunan untuk orang ramai, peniaga kecil dan pengusaha IKS. Antaranya, termasuklah program rantaian industri program pembekal global, program peningkatan kemahiran, dan sebagainya. Majlis Amanah Rakyat (MARA) juga merupakan agensi kerajaan yang ditubuhkan untuk menggalakkan membimbing dan melatih, khususnya diluar Bandar.

Antara program yang ditawarkan ialah latihan keusahawanan, skim latihan perintisan, dan program promosi pemasaran. Melalui agensi-agensi kerajaan, peniaga kecil berdaya maju dan menyumbang kepada iktisad negara. Peniaga kecil memerlukan pelaksanaan pengurusan yang lebih tersusun berbanding dengan firma besar. Peniaga kecil memiliki sumber tabungan modal dan sumber pekerja yang terhad dan jauh lebih kecil berbanding dengan firma besar bertaraf multinasional. Justeru itu, peniaga kecil lebih memerlukan pelaksanaan sistem pengurusan yang berkesan bagi mengelakkan sebarang kesilapan dalam operasi mereka. Peniaga kecil bukan sahaja memerlukan pengurusan, tetapi pelaksanaan sistem pengurusan yang berkualiti tinggi.

Selain itu, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), akan melaksanakan Inisiatif Statetik Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil dalam menyokong Pelan Tindakan yang dirangka sebelum ini. Menurut, Datuk Seri Hasan Malik, Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), empat strategik utama akan diguna pakai dalam inisiatif tersebut iaitu memperteguhkan ekosistem, memperkasa daya saing, membangunkan modal insan dan melestarikan kewangan. Ianya akan membabitkan enam proses tranformasi iaitu unit penjaja dan peniaga kecil sedia ada iaitu membangunkan portal pangkalan data, kerjasama bersama Akademik Permodalan Nasional Berhad (PNS), meningkatkan kemudahan, melaksanakan kaedah tabung simpanan dan insurans dan dana khas pinjaman. Hal ini, dirangka bagi mengukuhkan organisasi yang mengawal selia peniaga kecil dan memastikan sektor ini lebih cekap.

Peniaga kecil perlu mengenalpasti keutamaan-keutamaan dari segi pengagihan sumber kepada aspek operasi yang lebih memerlukan dan merancang aspek yang kurang memerlukan perhatian bagi perancangan masa depan. Keberkesanan pelaksanaan pengurusan peniaga kecil dalam hal ini, banyak bergantung kepada sifat-sifat usahawan yang merupakan kunci bagi menentukan hala tuju pelaksanaan pengurusan dalam perniagaan.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Ilmu perakaunan adalah sangat penting dalam kalangan peniaga kecil. Perakaunan membantu dalam mengetahui aliran kewangan peniaga kecil. Bagi peniaga kecil yang tidak mempunyai pengetahuan tentang perakaunan kewangan ia boleh menyebabkan perniagaan yang dijalankan mungkin tidak dapat mengetahui kedudukan kewangan serta aliran masuk dan aliran keluar tunai yang terlibat dalam operasi perniagaan.

Menurut Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Peniaga Kecil Melayu Malaysia, Muhammad Mohaamood (2009), berkaitan ilmu perakaunan terhadap peniaga kecil, segelintir peniaga kecil Melayu dilihat masih kurang mengambil berat mengenai kaedah pengurusan akaun perniagaan yang betul. Sikap itu perlu dikikis agar perniagaan dijalankan lebih berdaya maju. Pengurusan akaun yang berkesan sudah tentu boleh memudahkan peniaga mengawal aliran tunai dan membuat perancangan perniagaan. Jika tiada perancangan perniagaan atau penyata kewangan, permohonan pinjaman sukar untuk diluluskan oleh pihak bank atau agensi lain. Hal ini disebabkan tiada jaminan bahawa peniaga kecil mampu untuk menjelaskan bayaran balik pinjaman yang dibuat.

Tambahan lagi, peniaga kecil yang kurang arif dalam perakaunan akan menghadapi masalah untuk menentukan jumlah sebenar hutang atau hutang terhadap pemiutang. Ini menyukarkan peniaga kecil untuk menentukan jumlah untung atau rugi serta memberi kesan yang tidak baik kepada perniagaan antaranya ialah mengalami pulangan defisit yang tidak diduga oleh peniaga dan sukar untuk menentukan pusingan modal dengan tepat.

Dipetik daripada Utusan Malaysia, Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad ada berkata bahawa antara kelemahan besar dalam kalangan usahawan adalah disebabkan kelemahan dari segi pengurusan kewangan yang lemah, perancangan perniagaan yang kurang teliti, dan pengurusan perniagaan yang tidak cekap. Masalah ini kerap menjadi punca kepada kegagalan perniagaan dan boleh mengakibatkan kerugian dalam masa yang singkat. Ia disokong lagi apabila beliau mengatakan bahawa usahawan sering menganggap wang sebagai bahan untuk ditukar untuk mendapatkan sesuatu, sedangkan wang perlu dianggap sebagai modal yang jika dilaburkan boleh menambah pulangan mereka. Justeru itu, beliau telah menyarankan bahawa para usahawan perlu diajar untuk menguruskan tunai dengan baik, untuk menyimpan sebahagian daripada keuntungan supaya dapat meneruskan dan membesarkan perniagaan. Tegas beliau lagi, amalan pengurusan tunai seharusnya diperkenalkan disekolah supaya generasi akan datang dapat mempelajari nilai wang sejak dari kecil lagi dan akan dapat menguruskan kewangan mereka dengan baik.

1.3 OBJEKTIF

1. Mengetahui adakah peniaga kecil berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dalam perakaunan
2. Mengetahui adakah peniaga kecil mempunyai pengetahuan dalam perakaunan
3. Mengetahui adakah peniaga kecil menguasai pengetahuan dalam perakaunan

1.4 PERSOALAN KAJIAN

1. Adakah peniaga kecil sekitar Seberang Perai Tengah Tengah berusaha untuk tingkatkan ilmu perakaunan ?
2. Adakah peniaga kecil sekitar Seberang Perai Tengah mempunyai pengetahuan dalam perakaunan ?
3. Adakah peniaga kecil sekitar Seberang Perai Tengah menguasai pengetahuan dalam perakaunan ?

1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian akan dilakukan dikalangan peniaga kecil di kawasan Seberang Perai Tengah. Seramai 100 orang responden dipilih di kalangan peniaga kecil. Responden yang dipilih merupakan sampel kajian kepada pengkaji. Pemilihan responden tertumpu di sekitar Seberang Perai, Pulau Pinang. Kajian mengenai kesediaan peniaga kecil untuk tingkatkan pengetahuan dalam perakaunan.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian mengenai pengetahuan dan pemahaman perakaunan dalam kalangan peniaga kecil adalah sangat penting bagi mengetahui masalah mengenai pengurusan perniagaan yang dihadapi oleh peniaga kecil sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Kajian ini juga penting untuk membantu individu-individu yang ingin mencuba memulakan perniagaan sendiri dan juga peniaga kecil yang masih baru menceburkan diri

dalam bidang perniagaan. Kajian ini juga mampu membantu dan menjadi panduan kepada seseorang individu untuk mencapai matlamat dan perniagaan.

1.6.1 Peniaga kecil Sekitar Seberang Perai Tengah

Kajian ini dapat membantu peniaga kecil sekitar Seberang Perai Tengah dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi mereka. Kajian ini dapat memberi pendedahan kepada mereka mengenai kepentingan pengetahuan perakaunan dalam sesebuah perniagaan.

1.6.2 Bakal peniaga kecil

Kajian ini juga dapat membantu bakal peniaga kecil bagi mendapatkan maklumat tentang kebaikan untuk menguruskan akaun perniagaan secara betul. Selain itu kajian ini juga dapat memberi maklumat tentang pengurusan perakaunan bagi sesebuah organisasi dan boleh dijadikan rujukan dan garis panduan kepada bakal peniaga kecil. Bakal peniaga kecil turut dapat meningkatkan ilmu pengetahuan yang meluas serta bermanfaat yang dipraktikkan dalam perusahaan.

1.6.3 Pengkaji akan datang

Kajian ini akan membantu pengkaji-pengkaji masa depan sebagai salah satu bahan dan sumber yang tepat. Dengan adanya maklumat dalam kajian ini secara tidak langsung membolehkan pengkaji menjalankan penyelidikan mengenai faktor-faktor lain dengan lebih baik dan sempurna.

1.7 DEFINISI OPERASI

1.7.1 PENIAGA KECIL

Perniagaan kecil ialah perniagaan yang diuruskan secara aktif oleh pemiliknya yang diuruskan secara perseorangan. Sebahagian besarnya dikendalikan dalam kawasan tempatan secara relatifnya bersaiz kecil dalam lingkungan industri dan sebahagian besarnya bergantung pada sumber modal dalaman bagi membiayai pertumbuhannya. Asas pengurusan perniagaan kecil, Clifford M. Baumbach, (1995). Dalam konteks kajian ini, peniaga kecil merangkumi peniaga yang berniaga di pasar malam, peruncit, kedai makan dan lain-lain disekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

1.7.2 PENGETAHUAN

Pengetahuan dan sumber pengetahuan yang paling berpontesi untuk berkembang. Menurut Kao (2000), pengetahuan ditafsirkan sebagai 'tanda kuasa' pada abad ke-19 menjadi aset yang dikongsi bersama pada abad ke-20. Setelah memasuki abad ke 21, peranan pengetahuan semakin penting dan menjadi suatu tanggungjawab bagi diri, perniagaan dan negara. Dalam konteks kajian ini, pengetahuan adalah merujuk kepada pengetahuan peniaga kecil mengenai ilmu perakaunan dalam perniagaan.

1.7.3 PERAKAUNAN

Perakaunan adalah penyediaan dan analisis rekod kewangan bagi syarikat swasta, kerajaan atau organisasi lain. Perakaunan membolehkan tafsiran maklumat kewangan dan hasilnya digunakan untuk perancangan masa depan. Antara contoh yang bersesuaian adalah data-datanya dapat menunjukkan kepada eksekutif, produk atau jabatan yang berprestasi baik atau tidak baik (Ensiklopedia, Pusat Rujukan Persuratan Melayu)

1.8 SKOP DAN LIMITASI KAJIAN

Skop kajian ini tertumpu kepada peniaga – peniaga kecil di kawasan Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Seramai 100 orang responden dipilih bagi mewakili populasi untuk mengisi borang soal selidik. Pemilihan responden dibuat meliputi pelbagai jenis iaitu jantina, umur, bangsa, bidang perniagaan dan pendapatan. Secara khususnya hasil kajian ini tidak dapat dikonklusikan secara umum kepada semua peniaga kecil yang berada di Malaysia kerana mempunyai masa yang terhad untuk mendapatkan responden.

Kajian ini dilakukan untuk mengetahui kesediaan peniaga kecil untuk meningkatkan pengetahuan ilmu perakaunan. Selain itu, semasa kajian dilakukan di sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang peniaga juga sibuk melayan pelanggan menyebabkan pengkaji perlu menunggu responden. Ini menyukarkan pengkaji untuk bertemu dengan responden disebabkan tiada masa lapang. Disamping itu, pengkaji juga menghadapi masalah dalam menguruskan pengangkutan. Respon yang diberi oleh responden juga bergantung pada tahap kerjasama yang diberikan terhadap kajian yang dijalankan.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Sorotan kajian dilakukan untuk meninjau aplikasi-aplikasi yang berkaitan dengan perpektif teori dan konsep yang ingin dikaji. Bab ini mengandungi sorotan kajian mengenai huraian ataupun perkara-perkara yang menyokong faktor-faktor yang ingin dikaji. Sorotan kajian ini dilakukan bagi menguatkan lagi bukti keatas teori.

Di samping itu, sorotan ini dilakukan bagi mengukuhkan lagi objektif kajian iaitu mengenal pasti adakah peniaga kecil belajar, mengambil kelas persendirian atau mengikuti kursus dan menyertai program keusahawanan untuk meningkatkan pengetahuan dalam perakaunan di sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

2.2 FAKTOR SIKAP

Menurut Dato' Mohd Nadzmi (2010), sikap adalah kesediaan untuk bereaksi secara positif atau secara negatif dan juga untuk berusaha secara bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu kerja adalah satu sikap yang baik. Seseorang yang ingin menjadi usahawan perlulah mempunyai kriteria dari segi minat, keinginan dan kesungguhan yang tinggi serta tidak berputus asa. Sikap juga merupakan satu perkara yang penting untuk berjaya dalam perniagaan.

Sikap adalah salah satu faktor paling penting dalam menentukan kejayaan seseorang di dalam apa bidang yang diceburi oleh mereka. Mengikut ahli psikologi sikap terbahagi kepada dua iaitu sikap positif dan sebaliknya. Menurut Liz Makin (2009) perwatakan yang positif adalah personaliti yang baik seperti memahami, mudah berkawan dan seumpamanya amat membantu dalam kejayaan seseorang peniaga dalam perniagaan. Sikap adalah sesuatu yang mempengaruhi seseorang individu dalam memberi nilai terhadap simbol objek atau apa yang disukai atau tidak.

Manakala mengikut Sheila Shanker, Demand Media (2016) mengatakan bahawa pembelajaran perakaunan yang praktikal juga memberi manfaat kepada perniagaan kecil yang menjalankan tanpa apa-apa pengetahuan atau amalan perakaunan biasa dipraktikan. Peniaga juga perlu menggambarkan kesediaan untuk melakukan sesuatu dan juga sikap juga menggambarkan kepercayaan seseorang berkenaan sesuatu perkara.

Sikap positif terhadap risiko akan membolehkan seorang peniaga kecil itu berjaya dan bertahan lama dalam perniagaannya. Menurut *majalahniaga.com* Nani Mohd Salleh (2014) kajian yang menyeluruh serta mengenalpasti tahap pengetahuan perakaunan yang ada pada peniaga kecil pada masa kini juga amat penting. Contohnya peniaga

mempunyai sikap yang inisiatif untuk mempelajari perakaunan pada dunia yang teknologi melalui internet atau belajar secara *online*.

Sikap adalah suatu konsep paling penting dalam psikologi sosial. Banyak kajian dilakukan untuk merumuskan pengertian sikap, proses terbentuknya sikap, mahupun proses perubahannya, tidak kurang juga penelitian yang telah dilakukan terhadap sikap untuk mengetahui kesan dan peranannya baik sebagai pembolehubah bersandar mahupun pembolehubah bebas. Menurut Mc Clelland (2010) beliau menyarankan bahawa peniaga perlu mempunyai keperluan pencapaian yang tinggi dari segi menyelesaikan masalah secara sendiri dan menentukan matlamat yang ingin dicapai

Dalam era globalisasi kini, faktor psikologi seperti sikap ini semakin dilupakan, namun dengan adanya kajian terhadap sikap, sedikit sebanyak akan memberi gambaran bahawa sikap masih memainkan peranan yang penting. Dalam konteks kajian ini, Peningkatan pengetahuan dalam perakaunan menjadi ukuran untuk melihat sejauh mana sikap memainkan peranannya. Namun harus diingat, walaupun sikap setiap individu adalah berbeza, tetapi individu masih boleh dikategorikan mengikut sikap yang hampir sama berlandaskan beberapa faktor.

2.3 FAKTOR PENGETAHUAN

Setiap perniagaan di Malaysia mempunyai masalah dan kekangannya yang tersendiri bergantung kepada jenis perniagaan yang dijalankan. Perniagaan yang kecil dan sumber terhad akan menghadkan kemampuan mereka untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan. Tambahan lagi, bukan semua pemilik perniagaan kecil mempunyai

peluang untuk mempelajari perakaunan sebelum memulakan perniagaannya. Sehubungan itu, sejumlah peniaga kecil memilih mengambil kursus-kursus yang berkaitan dengan pengurusan perniagaan selepas memulakan perniagaannya kerana mereka sedar akan kepentingan pengetahuan perakaunan dalam perniagaan.

Menurut artikel dari '*Business Dictionary*' (2011), tidak semestinya memperolehi *Master of Business and Administration* (MBA) di dalam Universiti Harvard untuk menguruskan perniagaan, tetapi sekiranya mempunyai beberapa asas pengetahuan perakaunan akan membantu dalam memahami laporan kewangan perniagaan. Hal ini dapat menjimatkan kos perniagaan jika mempunyai pengetahuan yang mendalam perakaunan ataupun kemahiran yang bersesuaian. Sekiranya mempunyai modal untuk mengupah akauntan, asas pengetahuan perakaunan boleh mengelakkan dan mengesan kesalahan yang dilakukan oleh akauntan". Kebanyakan peniaga kecil mengalami kebangkrutan disebabkan kekurangan pengetahuan perakaunan. Bagi menambahkan ilmu pengetahuan dalam perakaunan, peniaga kecil boleh menghadiri kursus mengikut kelapangan masa sendiri atau mengikut jadual yang dirangka. Kursus juga boleh membantu untuk menambahkan pengetahuan dalam pengurusan perniagaan dan cara merancang kewangan dengan teliti. Walau bagaimanapun, peniaga kecil boleh mencari sumber pengetahuan lain mengenai dengan perakaunan yang memberi faedah kepada perniagaan

Rekod perakaunan memainkan peranan yang penting dalam pengurusan syarikat. Kursus perakaunan dapat meningkatkan keupayaan merekod akaun perniagaan. Steven Cohen (2004), berdasarkan penting untuk melabur dalam latihan dan sokongan teknikal. Adakalanya peniaga ingin mengambil kursus berkaitan perakaunan, namun kekangan masa dan silibus kursus tidak memenuhi keperluan peniaga. Sehubungan itu, langkah wajar adalah mengupah professional bidang seperti pensyarah perakaunan atau akauntan yang dapat membantu penyediaan akaun perniagaan secara langsung serta memberi khidmat nasihat kepada peniaga secara tidak langsung.

Mengikut Laporan Tahunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (2006), masalah yang dihadapi oleh perniagaan kecil terkini adalah pengurusan hutang dan perakaunan. Terdapat banyak yang diperkatakan tentang perniaga kecil yang tidak tahu membezakan antara transaksi syarikat dan transaksi peribadi iaitu entiti berasingan. Pengetahuan dan kemahiran pengurusan yang lemah dalam kalangan peniaga kecil menyebabkan timbul masalah seperti laporan kewangan perniagaan yang tidak kemas, tetap dan betul. Oleh itu, kesemua peniaga kecil perlu mengambil kursus perakaunan yang boleh membantu mereka mengetahui cara yang betul dan tetap untuk merekod transaksi perniagaan.

Peniaga kecil memerlukan khidmat nasihat terutamanya dalam bidang perakaunan, pentadbiran dan pengurusan perniagaan. Peniaga kecil boleh mendapatkan bantuan nasihat terus daripada institusi-institusi yang dipercayai. Institusi tersebut boleh menyediakan kursus yang bersesuaian kepada peniaga dalam pelbagai bidang.

2.4 FAKTOR PENGUASAAN

Kekurangan ilmu dan kemahiran dalam pengurusan perniagaan menjadi salah satu punca peniaga kecil mengalami kegagalan dalam perniagaan serta menghadapi kesukaran untuk menjalankan perniagaan harian. Menurut Mario Ngasio (2013) salah satu punca kegagalan peniaga kecil ialah tidak didedahkan dengan lebih terperinci mengenai sistem-sistem yang boleh digunakan oleh peniaga masa kini untuk melancarkan aktiviti perniagaan harian dan masa akan datang. Tambahan pula, terdapat banyak kursus atau seminar yang ditawarkan kepada mereka yang berminat dalam perniagaan, selain dari institusi pengajian atau kolej yang menawarkan secara formal

Masalah mendapatkan kelulusan jumlah pinjaman yang dikehendaki oleh peniaga kecil merupakan perkara biasa. Seringkali masalah ini dikaitkan dengan kegagalan peminjam menyediakan cagaran yang mencukupi. Menurut Utusan Malaysia Dr Ismail